

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan kelas campur kepada murid-murid** dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Iklm bilik darjah yang kondusif amat penting dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam hal ini, iklim bilik darjah amat bergantung kepada penstrukturan kelas malahan memberi perhatian kepada pembangunan potensi murid secara holistik dan bersepadu dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Iklim bilik darjah yang kondusif juga memberi penekanan terhadap kelas campur tanpa pengasingan murid berdasarkan jurang kepandaian yang dapat membawa perubahan bermakna dalam merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Setiap murid mempunyai kelebihan yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, percampuran murid cemerlang dan murid lemah dalam satu kelas yang sama tanpa diskriminasi *jurang kepandaian* mampu memperlihatkan pelbagai implikasi yang positif terhadap budaya pembelajaran murid berdasarkan kelebihan yang dimiliki oleh mereka. Percampuran murid dalam satu kelas tanpa mengambil kira keupayaan akademik mampu meningkatkan motivasi pembelajaran dalam kalangan murid. Melalui usaha ini juga sebarang peningkatan dalam pencapaian pendidikan secara langsung dapat meningkatkan imej dan harga diri murid yang lemah. Peningkatan dalam dua elemen ini pula memberi ruang kepada pembentukan persaingan yang positif dalam kalangan murid yang kurang menyerlah untuk bertapak ke hadapan mengejar murid cemerlang.

Melalui sistem kelas campur murid yang bermasalah dalam pendidikan dan aspek disiplin dapat dipecahkan kumpulannya berbanding mengelompokkan mereka dalam kelas yang lemah. Daripada mereka terus bergaul dengan kelompok murid yang mempunyai personaliti yang sama, maka adalah lebih baik jika mereka diasingkan bagi mendorong mereka bersaing dengan murid cemerlang. Dengan sistem kelas campur, semangat kumpulan mereka turut dapat dipecahkan. Hal ini demikian adalah kerana semakin tinggi ikatan yang terjana dalam kalangan murid yang lemah pencapaian akademik dan yang berhadapan dengan masalah disiplin, semakin kukuh semangat kumpulan lalu mengurangkan lagi fokus terhadap kepentingan tuntutan akademik. Dalam konteks ini juga, sistem kelas campur dapat merangsang kesedaran mereka terhadap kepentingan ilmu berbanding mereka disatukan dalam kelas bawah.

Berbanding sistem pengasingan kelas yang melabelkan kelas bawah untuk murid lemah dan kelas atas untuk murid cemerlang, sistem kelas campur lebih adil dalam membentuk iklim

bilik darjah yang positif. Murid lemah tidak lagi berhadapan dengan label negatif akibat pencapaian mereka yang rendah dalam peperiksaan. Pelaksanaan kelas campur juga menyediakan ruang pergaulan yang baik antara murid cemerlang dan murid lemah di dalam bilik darjah. Pada masa yang sama, murid yang lemah dapat membangunkan sikap yang positif terhadap ilmu dan memberi perhatian yang lebih serius kepada kerja sekolah. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan semua aspirasi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, peranan dan tanggungjawab guru adalah penting. Guru perlu menterjemahkan sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi aktiviti yang berkualiti yang mampu menarik minat serta penglibatan yang tinggi dalam kalangan murid.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kelas Campur Rangsang Persekitaran Pembelajaran Positif'  
oleh Dr. Suresh Kumar N Vellymalay,  
*Majalah Pendidik*, Mei 2018

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *jurang kepandaian*. [2 markah]
- (ii) Iklim bilik darjah yang kondusif amat penting dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.  
Apakah ciri-ciri iklim bilik darjah yang kondusif? [3 markah]
- (iii) Keputusan tidak cemerlang terhasil daripada pelbagai faktor.  
Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor tersebut? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal-usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

“Tapi, dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandangan yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan yang besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munsiy’  
oleh Husna Nazry  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah harapan bonda kepada Mel? [2 markah]
- (ii) Semangat patriotik semakin terhakis dalam jiwa generasi muda.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda? [3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka *dibubuhnya suatu hikmat*, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Maka hari pun mamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri.

Maka Kertala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja; apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. “Adapun bini raja muda-muda itu kuambil akan biniku.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud rangkai kata *dibubuhnya suatu hikmat*. [2 markah]

(ii) Kertala Sari berhasrat untuk memasuki istana raja.

Apakah rancangan Kertala Sari jika dia berjaya memasuki istana raja.

[3 markah]

(iii) Pemerintah bertanggungjawab melindungi rakyat yang menghadapi musibah.

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh pemerintah jika menghadapi musibah? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**Teo Wei Sing***Suara Anak Pahang, 2009*

Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **dua** penderitaan yang dilalui oleh ibu. [2 *markah*]

(ii) Ibu bapa sangat berjasa kepada anak-anak.

Pada pendapat anda, mengapakah anak-anak tidak wajar melupakan jasa ibu bapa mereka? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) keterangan
- (ii) penerangan
- (iii) penyatuan
- (iv) kesatuan
- (v) penyeragaman
- (vi) keseragaman

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Persatuan Kebudayaan telah merancang pertandingan permainan tradisional semasa sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah.
- (ii) Saya akan membantu ibu di gerai selepas sesi persekolahan.
- (iii) Pengetua menyeru calon-calon SPM agar tidak ponteng semasa kelas tambahan diadakan.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Kejayaan atlet semasa bertanding di peringkat antara bangsa menjadi fokus utama kementerian dalam merancang tahunan.
- (ii) Guru telah memberi isyarat kepada ketua kumpulan untuk bermulakan perbincangan kerja kursus itu.
- (iii) Akauntan itu diminta membuat laporan kewangan syarikat untuk dibentang dalam mesyuarat nanti.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Keadaan menjadi kelam-kabut apabila beberapa rumah dimasuki air selepas banjir segera melanda kawasan rendah di ibu kota.
- (ii) Ahli keluarga perlu memberi perhatian kepada remaja yang bermasalah agar mereka tidak terjebak di dalam masalah sosial yang boleh menggelapkan masa depan.
- (iii) Kerajaan menandatangani perjanjian perdagangan dengan negara-negara terdekat seperti Singapura, Thailand dan Indonesia supaya meningkatkan ekonomi negara.

[6 markah]

(e) *Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

- (i) Remaja kini mudah terpengaruh dengan budaya luar kerana kurangnya didikan agama sehinggakan iman mereka umpama \_\_\_\_\_.
- (ii) Masyarakat diseru mengamalkan gaya hidup sihat untuk mengelakkan penyakit berkaitan makanan sebelum terlambat kerana \_\_\_\_\_.
- (iii) Sekiranya kita tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak berani membuat keputusan dan hanya menerima keputusan orang lain maka kita akan dianggap seperti \_\_\_\_\_.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Watak sampingan dalam sebuah novel memainkan peranan penting dalam membantu watak utama.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** perwatakan watak sampingan yang telah ditetapkan. [7 markah]

Novel	Watak
Jendela Menghadap Jalan	Haji Abdul Rahman
Songket Berbenang Emas	Embong

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang dapat dijadikan teladan kepada pembaca.

Berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**